

KEINDAHAN TEMBIKAR TRADISIONAL TERENANG WARISAN NEGERI PAHANG

Mohd Zamani Mohd Nor Peah

Jabatan Sains Sosial, IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan

Muhammad Nubli Abdul Wahab

Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang

Hamdzun Haron

Pusat Citra Universiti (CITRA), Universiti Kebangsaan Malaysia

zact73@gmail.com

Abstrak

Kajian ini meneliti tentang Tembikar tradisional Terenang yang merupakan produk utama tembikar Tembeling yang menjadi warisan negeri Pahang. Kegiatan ini bermula di Kampung Pasir Durian sejak sekian lama. Tembikar ini mempunyai keindahannya yang unik setanding dengan tembikar tradisional lain. Bagaimanapun Terenang kurang mendapat perhatian umum sedangkan tembikar ini mempunyai keindahan yang unik setanding dengan tembikar tradisional lain. Penyelidikan ini merupakan satu kajian kualitatif yang merakamkan secara deskriptif kegiatan tembikar tradisional Tembeling di negeri Pahang. Seramai 3 orang penggiat tembikar dari Kampung Pasir Durian dan Temin Kraf telah dipilih secara *purposive sampling* sebagai peserta kajian. Bagi mencapai objektif kajian, pengutipan data telah dilakukan melalui kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Analisis data telah dibuat secara deskriptif dan interpretasi. Melalui pendekatan analisis kualitatif, kajian ini mendapati Terenang mempunyai keindahan yang tersendiri berdasarkan proses pembuatan, bahan yang digunakan, reka bentuk, dekorasi dan fungsi. Secara kesimpulannya, keindahan tembikar tradisional Terenang yang begitu unik dan istimewa haruslah menjadi kebanggaan bukan sahaja kepada orang Melayu bahkan rakyat Malaysia keseluruhannya.

Kata Kunci: Tembikar Tradisional, Terenang, Keindahan

PENGENALAN

Kewujudan tembikar sebagai satu hasil kraf tangan telah bermula sejak zaman berzaman dan hingga kini keberadaan tembikar masih boleh dikenal pasti di beberapa tempat di Semenanjung Malaysia seperti di Perak, Pahang dan Kelantan. Ham Rabeah (1997) menyatakan terminologi “tembikar” lebih digunakan pada zaman dahulu yang bermaksud produk kraf tangan yang berfungsi, diperbuat dari tanah liat dan dihasilkan dalam jumlah yang terhad. Tembikar dihasilkan bukan hanya untuk berfungsi tetapi memuaskan kehendak penciptanya untuk menyerlahkan keindahan dan kehalusan hasil kerja tangan. Tembikar adalah sebahagian bukti utama dalam kajian tamadun dan evolusi manusia. Penciptaan dan penggunaan tembikar menandakan satu perubahan dramatik dalam penggunaan dan pengambilan makanan yang membolehkan pengeluaran makanan berskala besar dan untuk tujuan simpanan. Peribahasa Melayu ada mengatakan “Hendaklah seperti tembikar, pecah satu pecah semuanya” yang bermaksud hendaklah hidup dalam muafakat; senang sama-sama senang, susah sama-sama susah. Melalui peribahasa Melayu ini, kita dapat membuat kesimpulan bahawa tembikar mempunyai peranan yang penting dalam kehidupan orang Melayu pada masa lampau. Tembikar tradisional Melayu merupakan kesenian yang wujud di negara ini sejak beribu tahun dahulu.

Ham Rabeah (2007) menyatakan secara tradisinya di dalam masyarakat Melayu, tembikar biasanya merupakan kerja wanita yang akan dilakukan apabila urusan harian telah selesai atau selepas sahaja musim menuai disudahkan dan ketika sawah belum siap dibajak. Tembikar Melayu kebiasaannya berbentuk bulat di bahagian bawah bertujuan untuk menampung air. Ia unik kerana terdapat dekorasi geometri yang diterap atau ukiran kayu yang diukir. Reka bentuk dan reka corak yang terdapat pada setiap tembikar tradisional mempamerkan keunikan penciptaan pandai tukang Melayu. Penghasilan tembikar asalnya sekadar aktiviti menghabiskan masa lapang tukang-tukang wanita dengan menguli dan menempa labu, buyung atau geluk (Siti Zainon, 1985). Terdapat pelbagai bentuk dan jenis tembikar yang dihasilkan dan kebanyakannya mempunyai ciri-ciri untuk tujuan kegunaan harian. Barangan tembikar tradisional yang dihasilkan di setiap negeri dalam Malaysia boleh dibezakan setiap satunya melalui reka corak, reka bentuk atau warnanya. Ini kerana setiap negeri mempunyai teknik pembuatan tersendiri yang dipengaruhi oleh budaya dan latar belakang si pembuat. Terdapat

pelbagai jenis tembikar yang dihasilkan secara turun menurun antaranya buyung, jambangan, geluk, labu dan bekas perasapan.

Salwa (2011) menyatakan tembikar adalah merupakan produk yang dibuat dari tanah liat dan dibentuk bagi menghasilkan pelbagai bentuk dan rupa serta dibakar sama ada di licau atau tidak di licau dengan julat suhu yang berbeza serta ianya merujuk produk bagi kegunaan utilitarian. Beliau mentakrifkan tembikar pra sejarah dan tembikar tradisional Melayu yang dibakar di antara suhu 600°C hingga 900°C sebagai seramik. Secara umumnya ada tiga jenis tembikar tradisional iaitu labu tanah, Terenang, dan Mambong yang masih wujud di Semenanjung Malaysia. Ham Rabaeh (2007) pula menyatakan terdapat empat jenis bentuk utama tembikar tradisional Melayu iaitu labu (berbentuk seperti buah labu yang berfungsi sebagai bekas air), belanga (periuk memasak), buyung (balang air) dan Terenang (bekas air).

Sejarah Tembikar Tradisional Terenang

Tembikar tradisional Terenang dihasilkan daripada tanah liat dan dihiasi dengan motif-motif tradisional tempatan untuk menyerlahkan identiti tempat asal pembuatannya dan mempunyai bentuknya tersendiri. Ia berfungsi untuk kegunaan perubatan tradisional seperti upacara jampi serapah bagi mengisi air mawar asli sebagai ubat penawar dan mengangkut serta menyimpan air. Jika Terenang yang telah digunakan dikeringkan dengan meletakkannya di atas para dipercayai air yang dimasukkan ke dalamnya akan sentiasa sejuk dan berbau wangi. Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan Terenang sebagai sejenis kendi air yang bertutup dibuat daripada tanah liat. Tun Seri Lanang dalam Sulalatus Salatin (1612) menyatakan ada menyatakan tentang Terenang Pahang. Pernyataan ini menunjukkan bahawa tembikar merupakan barang dagangan utama yang dibawa dalam proses urus niaga para pedagang. Di samping itu, Tun Seri Lanang juga turut menyentuh mengenai kewujudan Terenang Pahang sebagai salah satu peralatan yang telah digunakan oleh orang Melayu sejak sekian lama. Di negeri Pahang Darul Makmur, Terenang merupakan salah satu produk tembikar Tembeling selain daripada belanga, bekas perasapan dan tempayan. Kamus Dewan Edisi Keempat mentakrifkan Terenang sebagai sejenis kendi air yang bertutup dan dibuat daripada tanah liat.

Asal usul nama Terenang juga dipercayai wujud berdasarkan adat dan budaya masyarakat di Kuala Tembeling. Tembikar Terenang sering digunakan dalam upacara merisik dan meminang sebagai adat sebelum melangsungkan perkahwinan. Nama Terenang dipercayai diperoleh daripada kata nama tunang, yang mana pada masa dahulu ada seorang jejaka yang mahu menyunting gadis idaman hatinya. Apabila rombongan dihantar untuk merisik si gadis, didapati cincin yang hendak dijadikan sebagai tanda tiada bekas yang sesuai untuk diletakkan. Kebetulan ketika itu memang telah diperbuatkan sebuah tembikar atau Terenang yang pada asalnya hendak dijadikan sebagai bekas perasap dan tempayan. Bekas tersebut kemudian dijadikan bekas untuk meletakkan cincin pertunangan tersebut. Zahirah (2016) menyatakan bahawa kata “Terenang” berasal dari perkataan tunang. Semasa majlis meminang dijalankan, cincin pertunangan akan diletakkan di dalam sebuah tembikar dan lama-kelamaan sebutan ini berubah menjadi “Terenang” yang juga dipengaruhi oleh dialek tempatan. Pada zaman dahulu tembikar Terenang digunakan sebagai bekas cincin untuk upacara merisik dan bertunang. Maka bermula dari peristiwa tersebut tembikar di situ digelar sebagai Terenang. Nama Terenang juga dikatakan wujud kerana sifatnya yang terenang-renang atau timbul di atas permukaan air sewaktu berlaku banjir besar di Kuala Tembeling

Kegiatan penghasilan tembikar tradisional Pahang telah dikenal pasti wujud hanya di daerah Jerantut iaitu di Kampung Pasir Durian yang terletak di tepi Sungai Tembeling. Kegiatan penghasilan tembikar Tembeling bermula di Kampung Pasir Durian yang terletak di persisiran Sungai Tembeling Jerantut, Pahang iaitu berada di tebing kanan mudik Kuala Tembeling. Asal-usul nama Kampung Pasir Durian, menurut Haji Abdul Rahman b. Khatib Dollah, bekas ketua kampung tersebut, pada zaman dahulu di tebing sungai kampung ini terdapat banyak pokok durian. Setiap orang yang menghilir atau mudik akan berhenti mengambil buah durian yang jatuh di atas pasir sungai, hingga akhirnya terkenal tempat persinggahan itu dengan Kampung Pasir Durian. Kampung ini terkenal dengan perusahaan tanah liat Tembeling pada suatu masa dahulu.

Tembikar Tembeling yang dihasilkan oleh pandai tanah di Kampung Pasir Durian terdiri daripada enam jenis produk iaitu Terenang, belanga, tempat bara atau perasapan, periuk tanah, bekas pembakar kuih dan buah delima Zahirah, (2016). Dapatan kajian oleh Salwa (2011) pula menyenaraikan labu, belanga, perasapan, kendi, periuk air, periuk nasi dan Terenang sebagai produk

Tembikar Tembeling. Bagaimanapun kajian awal oleh Mokhtar (1979) menjelaskan terdapat enam jenis produk yang dikeluarkan oleh penggiat di Kampung Pasir Durian semasa diuruskan oleh Koperasi Industri Kampung iaitu Terenang Tanah dalam saiz besar dan kecil, belanga Tembeling, periuk tanah, labu air dan bekas habuk rokok.

Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah memilih Kampung Pasir Durian bagi menubuhkan sebuah industri kampung memandangkan kemahiran membuat tanah liat di kampung ini begitu terkenal serta mempunyai potensi untuk berkembang. Penubuhan koperasi dan bengkel tanah liat telah diusahakan oleh Pejabat Daerah Jerantut, Kemas, Jabatan Pembangunan Koperasi dan Perbadanan Kemajuan Kraf tangan Malaysia cawangan negeri Pahang yang terletak di Songsang, Temerloh. Oleh itu ia dikenali dengan nama Projek Koperasi Industri Kampung Pasir Durian. Untuk tujuan itu sebuah bengkel telah dibina di atas tanah bilik mantan ketua kampung, Tuan Haji Abdul Rahman bin Khatib Dollah. Di bawah projek ini para penghasil tembikar sekitar Kampung Pasir Durian disatukan di bawah satu pengurusan. Langkah ini antaranya akan memudahkan pemasaran barangan serta mendapat keuntungan yang lebih. Pada 5 April 1985, koperasi ini telah dirasmikan oleh Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad. Barangan yang dihasilkan ialah Terenang besar, Terenang kecil, belanga, periuk, buyung dan bekas habuk rokok yang dipasarkan di Rumah Karyaneka Pahang di Kuala Lumpur dan Karyaneka Negeri di Kuantan, Balai Seni Visual Negara, tempahan-tempahan tempatan, pelancong-pelancong dan permintaan individu.

Definisi dan Konsep Keindahan

Menurut asal usul perkataan, keindahan dalam perkataan bahasa Inggeris bermakna *'beautiful'*, dalam bahasa Perancis *'beau'*, manakala dalam bahasa Itali dan Sepanyol *'bello'* yang berasal dari perkataan Latin *'bellum'*. Akar katanya adalah *'bonum'* yang bererti kebaikan, kemudian mempunyai bentuk pengecilan menjadi *'bonellum'* dan terakhir dipendekkan sehingga ditulis *'bellum'*. Kamus Dwibahasa Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu Edisi Kedua DBP menyatakan keindahan diterjemahkan dalam bahasa Inggeris bermakna *beauty*. Ia juga membawa makna kecantikan, kejelitaan. Menurut The Liang Gie dalam bukunya "Garis Besar Estetika", di dalam bahasa Latin, keindahan diterjemahkan dari kata

bellum. Akar katanya adalah *bonum* yang membawa pengertian kebaikan, kemudian mempunyai bentuk pengecilan menjadi *bonellum* dan terakhir dipendekkan sehingga ditulis sebagai *bellum*.

Pengertian estetika secara umumnya adalah berkaitan dengan keindahan dan kecantikan. Di sekeliling kita terdapat pelbagai objek-objek yang indah seperti bunga-bunga yang cantik, pemandangan yang indah, pemandangan laut yang terbentang luas dan alunan kicau burung yang merdu yang menjadi elemen-elemen keindahan alam. Cantik, indah, baik, merdu dan perkataan-perkataan yang seerti dengannya selalu digunakan untuk merujuk kepada kualiti estetika. Di samping keindahan alam, manusia sering berusaha mencipta dan menterjemahkan keindahan dalam bentuk karya-karya seni yang memaparkan nilai-nilai keindahan yang dirakam oleh pancaindera mereka. Keindahan hasil kerja tangan ini menjadi satu warisan yang diperturunkan untuk generasi seterusnya untuk melestarikan ia dari kepupusan ditelan zaman. Oleh itu nilai-nilai estetika yang ada pada produk tradisional seperti tembikar merupakan terjemahan rasa dan jiwa penggiat yang diluahkan dalam proses pembuatan.

Munro (1943) menyatakan objek seni keindahannya bukan hanya pada bentuk yang ditonjolkan tetapi juga kandungan yang tersembunyi yang bersatu membentuk estetika. Sudah tentu untuk mewujudkan keindahan pada karya atau objek seni juga melibatkan deria. Dalam realiti berbudaya, masyarakat Melayu memerlukan peralatan dan bahan yang digunakan untuk tujuan menghasilkan artifak seni melalui beberapa proses seni seperti pertukangan, anyaman, ukiran, tenunan dan sebagainya yang tergolong dalam seni rupa atau seni tampak yang melambangkan peningkatan pemikiran orang Melayu berhubung teknologi seni mereka yang terhasil melalui pengadaptasian dengan alam sekeliling serta pengaruh luar (Asyaari, 2010). Justeru itu perbincangan mengenai estetika yang melibatkan karya seni adalah lebih jelas dan boleh dinikmati terus secara visual jika ia memberi makna. Apabila persoalan estetika dibahaskan, secara langsung persoalan kesenian dan nilai keindahan akan disentuh. Ini kerana nilai estetika itu sendiri adalah seni. Herbert Read merumuskan bahawa keindahan adalah kesatuan dan hubungan-hubungan bentuk yang terdapat di antara pengalaman-pengalaman deria manusia. Menurut Baumgarten, keindahan adalah keseluruhan yang merupakan susunan yang teratur dari bahagian-bahagian yang saling berhubungan satu sama lain, atau dengan keseluruhan itu sendiri. Abd. Rasid dan Ahmadrashidi (2012) menyatakan pengertian estetika adalah

sangat luas yang merangkumi sejarah seni, apresiasi seni dan juga kritikan seni. Dalam budaya Melayu pula memang telah wujud konsep keindahan yang dapat dilihat melalui penciptaan pelbagai bentuk seni yang pastinya ada dorongan keindahan di belakangnya seperti penciptaan anyaman, tembikar, ukiran kayu dan kesusasteraan ada tradisi estetika. Ini menjelaskan estetika telah menjadi sebahagian dari tradisi dan budaya dalam mempengaruhi penciptaan produk seni.

Nilai estetika di dalam bidang seni kraf dan pertukangan orang Melayu boleh ditafsirkan sebagai kesempurnaan pembuatan hasil tangan dari aspek keindahan visualnya yang disesuaikan dengan fungsi barangan yang dicipta (Ab Aziz Shuaib, 2012). Kesenian menurut Asyaari (1998) mempunyai erti sangat luas tetapi secara umumnya ia bermaksud sesuatu hasil ciptaan manusia yang memiliki nilai-nilai estetika dalam komposisi, ekspresi dan hiasan yang dominan dan dalam hal-hal yang tertentu mengambil kira aspek utiliti.

PERMASALAHAN KAJIAN

Penghasilan tembikar tradisional di negeri Pahang tidak begitu diketahui umum seperti di Perak yang terkenal dengan labu sayong. Kampung Pasir Durian yang terletak di Jerantut terkenal sebagai tempat penghasilan tembikar tradisional yang dikenali sebagai tembikar Tembeling. Terenang yang merupakan produk utama tembikar Tembeling kurang mendapat perhatian yang sewajarnya sedangkan tembikar ini mempunyai keindahannya yang unik setanding dengan tembikar tradisional lain.

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan ini merupakan kajian kualitatif yang merakamkan secara deskriptif tembikar tradisional Terenang yang dihasilkan di Kampung Pasir Durian Jerantut, Pahang. Kajian ini memfokuskan kepada aspek proses pembuatan, bahan, reka bentuk, dekorasi permukaan dan fungsi. Data-data kajian diperolehi melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Analisis data dijalankan sebaik sahaja kutipan data dilakukan dan ia merupakan proses yang berterusan bagi menjawab persoalan kajian. Mengikut Ragans (2000) terdapat empat peringkat kajian kualitatif berkaitan dengan analisis seni visual iaitu deskriptif, analisis, interpretasi dan juga penilaian untuk menganalisis data.

DAPATAN KAJIAN

Tembikar tradisional merupakan satu objek yang mengandungi nilai estetika sebagaimana objek seni yang lain. Bagaimanapun setiap objek seni mengandungi nilai estetika yang tersendiri. Zakaria (1989) menyatakan estetika Melayu bertunjangkan tradisi yang berteraskan objek-objek seni. Ab Aziz (2012) meletakkan kesenian dalam objek seni berdasarkan kepada dua faktor utama iaitu unsur fizikal di mana bahan dan bentuk diilhamkan dan nilai estetika dalam aspek nilai seni yang tersirat dan tersurat. Ab Aziz (2012) menyatakan nilai estetika dalam konteks seni kraf dan pertukangan orang Melayu adalah merujuk kepada kesempurnaan pembuatan hasil tangan dari sudut keindahan visualnya yang disesuaikan dengan fungsi barangan yang dicipta. Bagaimanapun Othman et. al, (2006) menyatakan terdapat empat aspek yang perlu diutamakan pada penghasilan kraf iaitu aspek rupa bentuk yang menekankan nilai formalisme, aspek utiliti iaitu fungsinya secara praktikal, aspek makna iaitu nilai ritual dan aspek estetika yang menyentuh isi kandungan serta keindahan yang tercetus bila melihatnya.

Tembikar Tradisional Terenang

Terenang adalah hasil seni kerja tangan yang dicipta untuk tujuan utiliti tetapi digubah dengan memasukkan unsur-unsur seni bagi memberi bentuk yang indah dan menarik perhatian. Penciptaannya menuntut kemahiran dalam penggunaan bahan asas utama iaitu tanah sejak dari proses awal hinggalah produk akhir terhasil. Proses penciptaan Terenang memerlukan suntikan nilai estetika demi untuk memberikan reka bentuk yang indah dan menarik. Zahirah (2016) menyatakan keindahan tembikar Terenang boleh dilihat berdasarkan pada lima aspek iaitu proses pembuatan, bahan yang digunakan, reka bentuk, reka corak dan fungsi. Dapatan kajian ini menyokong kajian oleh Fauziah (2006) yang menyatakan aspek-aspek ini penting untuk melihat keindahan tembikar tradisional.

Keindahan Proses Pembuatan

Keindahan proses pembuatan ialah berdasarkan kepakaran menghasilkan Terenang yang mempunyai reka bentuk yang unik dan sukar dibuat menggunakan tangan. Proses penghasilan tembikar secara tradisional bermula dengan proses pencarian tanah yang didapatkan melalui proses pengalihan tanah di tanah rizab. Tanah yang sudah lumat ditumbuk dan serbuk tanah liat yang siap dibancuh akan diuli

seperti menguli tepung. Tanah liat yang lembut akan ditempa dengan tangan menggunakan badang beralaskan papan alas. Secara keseluruhannya pembuatan tembikar tradisional menggunakan teknik picit cubit. Teknik picit cubit merupakan kaedah tradisional yang digunakan dalam mendapatkan bentuk tembikar. Teknik ini merupakan teknik utama yang digunakan untuk membina dinding belanga. Hamdzun dan Narimah (2013) menyatakan kesemua proses pembuatan tembikar tradisional seperti Terenang, labu Sayong, tembikar Mambong menggunakan teknik ini. Kaedah ini memerlukan pinggan atau meja putar untuk memudahkan proses membina dinding tembikar. Kemahiran menggunakan kedua belah tangan berperanan untuk membentuk dan memusingkan pinggan. Penepek atau sudip kayu dipraktikkan bagi menepek permukaan dinding dengan tujuan untuk memadat dan meratakan permukaan luar dinding tembikar yang dilaksanakan setelah proses membentuk siap. Proses menguka pula bertujuan untuk mengikis bahagian dalam dengan menggunakan kukur. Bagi mendapatkan permukaan tembikar yang berkilat, batu sungai akan digosokkan pada permukaan.

Tanah Miskin

Keindahan bahan pula berdasarkan kepakaran mengenal bahan dan proses mendapatkan bahan tersebut. Proses mengambil tanah juga mempunyai keunikan kerana mempunyai amalan dan pantang larang yang tersendiri. Bahan utama tanah yang digunakan untuk membuat Terenang mempunyai keistimewaannya yang menjadikan fizikal Terenang indah dan menarik. Terenang yang dihasilkan menggunakan tanah yang diambil dari kawasan penggalian tanah liat diberi nama 'Tanah Miskin'. Kawasan tanah ini merupakan lapang yang dikhaskan untuk penghasilan tembikar tanpa ada larangan khas. Walau bagaimanapun ada pantang larang dan kepercayaan untuk mengambil tanah dari kawasan ini.


Ujian makmal yang dijalankan ke atas 'Tanah Miskin' ini membuktikan tanah liat ini sangat sesuai untuk penghasilan tembikar menggunakan teknik buatan tangan kerana komponen silika yang tinggi memudahkan pembentukan dan pembakaran porselin serta mengurangkan kecutan. Tanah ini juga berwarna kekuningan berpasir digelar 'tanah pamah rambai'. Ini dinyatakan dalam kajian Ivor H.H Evans (1922), yang menyatakan bahawa tanah liat yang digunakan bagi penghasilan tembikar adalah asalnya berwarna kuning sebelum dibakar. Ibrahim dan Sahaimi (2005) pula menyatakan

bahawa tanah liat yang juga dikenali sebagai tanah Tembeling oleh penduduk setempat biasanya berwarna coklat kekuningan. Tanah ini akan menghasilkan Terenang mempunyai warna kekuningan jika melepasi proses pembakaran secara tradisional. Malahan pembakaran menggunakan tanur gas juga menunjukkan Terenang masih menyerlahkan warna kekuningan yang menarik.

Keindahan Reka Bentuk Terenang

Terenang mempunyai bentuk unik yang boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian. Reka bentuk Terenang adalah cengkung pada bahagian leher dan cembung pada bahagian badan. Secara umumnya reka bentuk Terenang yang asal dibuat tanpa penutup dan tanpa pelapik tetapi Terenang yang dihasilkan di Kampung Pasir Durian disertakan dengan penutup dan pelapik (Rajah 1) Secara umumnya Terenang boleh dibahagikan mempunyai 11 bahagian iaitu tangkai atau jambul, penutup atau kepala, bibir, mulut, leher, dada, badan, pelapik, kaki, birai dan tali air. Terdapat juga Terenang yang dihasilkan tanpa pelapik atau penutup.

Terenang yang dihasilkan di Kampung Pasir Durian tidak mempunyai saiz yang standard dan boleh dikategorikan kepada Terenang Besar dan Terenang Kecil iaitu berdasarkan saiz yang dilihat. Saiz Terenang yang tidak seragam ini sebenarnya disebabkan oleh teknik pembuatan menggunakan tangan yang bergantung pada penggiat (Rajah 2). Tanah liat juga tidak pernah ditimbang untuk mendapatkan berat dan saiz yang seragam dalam proses pembuatan. Kemahiran yang terbina melalui aktiviti pembuatan setiap hari menyebabkan penggiat dapat mengagak berat tanah dan saiz tembikar yang akan disediakan. Setiap Terenang yang dihasilkan oleh penggiat di sini walaupun kelihatan sama reka bentuknya tetapi mempunyai perbezaan dari segi air tangan pembuatnya. Bagaimanapun Terenang buatan penggiat-penggiat terdahulu mempunyai saiz yang lebih besar, ringan, tidak disertakan penutup, tiada pelapik dan kebanyakannya berwarna hitam.



Rajah 1: Bahagian Terenang



Rajah 2: Terenang tradisional

Di sini terlihat kepakaran penggiat kerana bijak membentuk Terenang dengan baik walaupun dihasilkan dengan saiz besar dan mempunyai rupa bentuk yang rumit dengan bentuk cembung serta cekung. Kepakaran membuat ini bukan boleh didapati dalam jangka masa yang pendek kerana ia kebolehan yang dipelajari, diasah dalam jangka masa yang lama. Oleh itu kebolehan membuat Terenang ini merupakan satu kemahiran individu yang mewujudkan keunikan pada reka bentuk Terenang berdasarkan pada individu yang membuat. Keunikan ini menampakkan kehalusan kerja yang menjadikan Terenang itu indah dipandang mata. Walaupun bentuk asas tembikar tersebut kelihatan

sama tetapi ia tetap berbeza dari segi menguruskannya semasa proses pembuatan berlaku, kemasannya, cara meluru, cara meletakkan motif serta cara membakarnya.

Keindahan Dekorasi Terenang

Keindahan dekorasi dalam kajian merujuk kepada susunan dan peletakan motif menjadi corak yang bermakna. Motif merupakan rupa atau bentuk asas dalam suatu rekaan atau gubahan yang terdiri daripada motif flora, fauna, geometri dan organik. Corak pula adalah susunan motif sama ada secara teratur, terancang atau secara bebas. Corak juga boleh terbentuk daripada motif tidak bebas atau corak tidak terancang. Kehidupan orang Melayu didapati sangat dipengaruhi sekeliling mereka dan ini mempengaruhi motif-motif yang dipilih untuk menghiasi permukaan tembikar yang dihasilkan. Motif-motif yang dipilih pula mempunyai hubungan dengan alam sekeliling seperti motif bunga dan daun, motif haiwan serta motif kosmik. Dekorasi merupakan hiasan yang dapat menyempurnakan dan menambahkan lagi nilai estetika yang terdapat pada permukaan Terenang. Menurut Grottanelli (1971) dalam Hamdzun dan Narimah (2012), hiasan atau ornamen merupakan motif dalam karya seni yang dihasilkan secara berulang-ulang supaya terlihat akan idea pengkarya. Rupa, bentuk, garisan dan warna merupakan unsur seni yang sering digunakan untuk tujuan menonjolkan hiasan. Peletakan dekorasi secara tidak langsung dapat menjadikan sesebuah karya lebih menarik pada pandangan visual dan mendatangkan perasaan keterpegungan kepada pemerhati yang melihat.

Terdapat dua kaedah yang digunakan untuk menghias permukaan tembikar Terenang iaitu penggunaan kayu bunga untuk menghasilkan corak dan teknik goresan pada permukaan untuk mendapatkan motif-motif tertentu. Tembikar tradisional Terenang dihiasi dengan motif-motif tempatan untuk menyerlahkan identiti tempat asal pembuatannya. Motif yang menghasilkan corak pada permukaan Terenang adalah hasil daripada hujung kayu pengecap yang diukir. Kayu pengecap tersebut diperbuat dari kayu-kayu yang tahan lama seperti kayu hanyut yang dijumpai di tepi sungai. Proses mengecap ini memerlukan pengalaman dan kemahiran bagi memastikan motif yang dicap mengelilingi badan Terenang tidak akan bertindih. Proses penerapan motif pada permukaan Terenang dibuat menggunakan tangan setelah jasad mulai separuh kering. Ini memudahkan kesan motif ditinggalkan dan disusun pada bahagian-bahagian yang telah ditentukan. Proses menerap motif ini tidak memakan

masa yang lama untuk dibuat dan bergantung pada saiz Terenang. Oleh itu kemahiran penggiat sangat memainkan peranan yang penting untuk menerap motif dan menentukan motif-motif yang membentuk corak bersesuaian dan indah dari segi nilai estetikanya.

Peletakan motif menggunakan kayu bunga yang berbentuk batang atau rod yang diukir di hujungnya. Motif-motif adalah berdasarkan pengaruh dan pengamatan dari alam sekeliling seperti bunga-bunga, daun, haiwan serta kosmos. Alatan yang digunakan untuk menangkap motif menggunakan kayu hanyut dan buluh yang di ukir motif di hujungnya. Kayu yang berukuran lapan sentimeter panjang ini di tekapkan ke permukaan tembikar yang masih lembap. Motif yang digunakan pada tembikar tradisional Terenang diambil dari motif yang biasa digunakan dalam kesenian Melayu seperti pucuk rebung, bunga pecah empat, tampuk manggis dan lain-lain. Selain itu terdapat motif-motif lain yang digunakan seperti bunga ‘dong gek’, bunga pecah tiga, bunga pecah empat, pucuk rebung, tampuk manggis, bunga sambau, bunga kipas, bunga pecah enam, bunga pecah lapan, bunga ‘S’, bunga kundur, sat lekuk (bentuk hati), tapak itik, tapak pelanduk, bunga kelopak (bunga kening), dan bunga cekik leher. Pengaruh alam sekeliling sangat berperanan menentukan jenis-jenis motif yang dihasilkan untuk diterap pada permukaan Terenang.

Proses menghias Terenang dengan motif-motif merupakan satu kemahiran yang tinggi kerana ia menuntut gabungan pengalaman dan pengetahuan untuk menyesuaikan motif-motif menjadi corak yang bermakna. Motif-motif itu biasanya akan disusun secara mendatar, baris demi baris dan berulang-ulang pada bahagian mulut, bibir, leher, dada dan badan Terenang. Penyusunan motif-motif juga terhad agar ciri keaslian permukaan Terenang yang licin lebih terserlah. Reka corak yang tidak memenuhi permukaan menjadikan pemerhati boleh menghayati keseluruhan bentuk Terenang dengan jelas. Bahagian tengah badan Terenang akan dibiarkan kosong atau diletakkan hiasan motif yang minimum. Reka bentuk Terenang dan hiasan reka corak yang seimbang berjaya mewujudkan perasaan tenang kepada sesiapa memandangnya.

Terdapat 21 motif yang dikenal pasti untuk menghiasi bahagian-bahagian pada Terenang. Jadual 2 di bawah menunjukkan motif dekorasi permukaan Terenang tradisional pada setiap bahagiannya:

Jadual 2: Motif yang digunakan pada hiasan bahagian Terenang

Bahagian	Motif
Penutup	Bunga Sambar
Bibir	Bunga Kipas
	Picit Penyek
Birai	Balung Kuku
	Bunga Kelopak
Leher	Alur Nibong
	Pucuk Rebung
	Potong Wajik
Dada	Titik
	Pucuk Rebung
	Bunga Padi
	Belalang Secucuk
	Potong Wajik
	Bunga Sambas
	Bunga Kelopak
Tali Air	Alur Nibong Berselang Pecah 4
	Bulan Sabit
Buntut	Balung Kuku
	Bunga Padi
	Garis Keluk

Tidak semua bahagian Terenang akan diterap dengan motif hiasan. Bahagian Terenang yang dihias adalah di bahagian penutup, bibir, leher dan bahagian dada. Kesemua bahagian tadi dihias motif bunga penuh iaitu dengan mengulang-ulang motif yang sama sehingga mengelilingi Terenang. Namun demikian antara bahagian dada hingga ke bawah badan hanya terdapat sedikit sahaja hiasan motif atau dibiarkan kosong sahaja tanpa sebarang motif. Bahagian alas Terenang hanya dihias di bahagian tepinya sahaja dan bahagian lain dibiarkan kosong tanpa motif. Perletakkan motif bunga jika tidak di susun mengikut hierarki, motif di badan tembikar akan kelihatan tidak seimbang. Keseimbangan yang di maksudkan ialah urutan saiz bunga mestilah mengikut kesesuaian saiz tembikar. Sebagai contoh susunan motif pada Terenang, mestilah di mulakan dengan motif bunga-bunga kecil dahulu. Semakin hiasan menurunni badan Terenang saiz bunga motif menjadi semakin besar dan hiasan motif disudahi dengan bunga samba di pertengahan badan Terenang. Selain bahagian badan, penutup juga diletakkan

motif. Penutup Terenang lazimnya tidak diletakkan motif yang terlalu sarat. Memadai dengan terapan motif pucuk rebung, tapak pelanduk dan bunga pecah empat.

Motif hiasan yang tersusun indah juga bertindak sebagai kesan jalinan yang akan memudahkan bahagian-bahagian yang dihiasi motif dipegang. Motif bunga samba yang disusun rapat di bahagian leher Terenang akan memainkan peranan sebagai jalinan yang memberi kesan permukaan kesat terutama apabila Terenang dipenuhi air, bahagian tersebut tidak licin dan tidak mudah tergelincir dari tangan. Susunan ulangan motif-motif yang begitu sistematik dan berdisiplin menunjukkan etika pembuat corak tersebut merupakan seorang yang sabar, teliti dan berjiwa halus.

Keindahan Fungsi Terenang

Keindahan fungsi pula berdasarkan Terenang yang dihasilkan dapat berfungsi memenuhi menyimpan air dan dipelbagaikan berdasarkan keperluan semasa. Di alam Melayu, tembikar digunakan untuk keperluan harian sebagai alat perkakasan di dapur untuk memasak dan penyimpanan makanan serta minuman. Mengikut kepercayaan orang Melayu terdahulu, air yang disimpan dalam bekas tembikar menjadi lebih sejuk dan makanan yang dimasak dalam tembikar lebih enak dan mempunyai aroma tersendiri. Oleh kerana kehidupan semula jadi, masyarakat Melayu mula mencipta dan mengolah bahan-bahan yang terdapat di persekitaran mereka hingga mewujudkan bentuk-bentuk seni rupa kraf tangan yang berfungsi (Siti Zainon, 1985). Memetik kata-kata Fry di dalam buku Morris Weitz (1959) "Problems in Aesthetics" yang menyatakan tentang konsep keindahan dalam seni. Beliau menyatakan lagi bahawa objek yang dicipta untuk menimbulkan rasa indah mempunyai fungsi yang bukan sahaja digunakan bahkan juga melahirkan rasa yang menggembirakan dan menyenangkan hati.

Reka bentuk Terenang ada mempunyai persamaan dengan bentuk bekas yang diperbuat dari tembaga yang berasal dari Terengganu dan Kelantan seperti yang ditekankan oleh Syed Ahmad (1989) yang menyatakan Terenang merupakan salah satu jenis pasu yang paling menarik terutama dari segi bentuk yang tegas dan tepat, menyerupai barang yang diperbuat daripada logam (tembaga). Pelapik Terenang yang dibuat oleh pembuat tembikar dikatakan adalah inspirasi dari 'baki' tembaga iaitu bekas tembaga berkaki yang lazimnya diletakkan tepak sirih atau sebagai alas dulang hantaran dalam upacara perkahwinan Melayu. Pelapik Terenang merupakan tambahan yang dihasilkan oleh penggiat-penggiat

di Kampung Pasir Durian untuk menstabilkan Terenang supaya tidak terbalik semasa diletakkan. Ini kerana reka bentuk awal Terenang pada bahagian bawahnya lebih bulat dan dibuat tanpa pengalas. Selain daripada pelapik, penutup bertangkai atau tangkai juga direka supaya air yang disimpan itu tidak dimasuki kotoran atau serangga.

Terdapat banyak lekukan yang ergonomik pada bentuknya yang memudahkan ianya dipegang, dikepit atau dikelek di pinggang. Ini kerana fungsi Terenang sebagai bekas untuk mengangkut air pada kuantiti yang banyak memerlukan lekukan yang terdapat pada badan Terenang untuk memudahkan cengkaman jari, tidak licin dan juga memberi keseimbangan kepada tembikar tersebut. Dinding Terenang tradisional dibuat dengan tidak terlalu tebal supaya apabila diisi air atau bahan berkaitan ia tidak menjadi terlalu berat. Jelas sekali penggiat terdahulu bijak merancang reka bentuk walaupun sekadar untuk memenuhi keperluan kehidupan mereka. Walaupun reka bentuk tembikar hanya untuk keperluan utiliti tetapi penggiat cuba menonjolkan keindahan yang diamati dari alam sekeliling tetapi dibuat dengan tidak berlebihan dan bersifat sederhana.

Keindahan reka bentuk Terenang adalah berdasarkan bentuk yang unik dan berfungsi memenuhi keperluan yang dirancang. Pada zaman dahulu, permintaan untuk tembikar tradisional seperti Terenang adalah sentiasa baik kerana ia merupakan alat kegunaan harian yang berfungsi untuk memudahkan urusan terutama untuk mengisi air bagi tujuan-tujuan seperti untuk minuman, perubatan, masakan dan sebagainya. Kebanyakan pembeli tembikar tradisional sekarang juga membelinya bukan lagi kerana fungsinya tetapi kerana nilai intrinsik yang ada pada tembikar tersebut (Ibrahim & Sahaimi, 2005). Tembikar Terenang yang digunakan untuk menyimpan air minuman mempunyai keistimewaannya tersendiri. Air yang disimpan di dalam Terenang akan berasa sejuk dari air biasa. Selain itu, apabila diminum dipercayai boleh menyegarkan tubuh badan. Justeru itu, ini juga merupakan simbol intelektual orang Melayu terdahulu yang berjaya menghasilkan satu bekas yang menampung air dan berkhasiat semula jadi. Fungsi Terenang sebagai barang utiliti dalam masyarakat juga semakin kurang kelihatan.

Terenang juga berfungsi untuk kegunaan perubatan tradisional seperti upacara jampi serapah bagi mengisi air mawar asli sebagai ubat penawar dan mengangkut serta bekas menyimpan air. Jika

Terenang yang telah digunakan dikeringkan dengan diletak di atas para, dipercayai air yang dimasukkan ke dalamnya akan sentiasa sejuk dan berbau wangi. Peredaran masa turut mempengaruhi pembentukan sesuatu karya seni. Begitu juga apa yang berlaku pada Terenang. Pada peringkat awal penghasilannya Terenang dibuat tanpa mempunyai penutup dan alas di bahagian bawahnya. Saiznya lebih besar daripada Terenang yang dihasilkan kini. Fungsi utama Terenang asalnya untuk mengangkut air dari sungai. Oleh yang demikian Terenang yang terdahulu tidak mempunyai penutup. Penutup direka oleh pembuat tembikar yang terkemudian untuk menyimpan air minuman di dalam rumah dan menghindar air tersebut dari dimasuki serangga atau cicak. Berdasarkan perkembangan masa, fungsi asal Terenang sebagai bekas atau tabung air semakin terpinggir dan dilupakan. Hal ini berlaku kerana terdapat banyak persaingan produk moden yang dihasilkan seperti botol plastik, besen dan sebagainya di pasaran.

KESIMPULAN

Kajian ini berkenaan dengan keindahan tembikar tradisional Terenang yang menjadi warisan kraf negeri Pahang. Ekspresi keindahan tembikar ini dapat dilihat berdasarkan proses pembuatan, bahan yang digunakan, reka bentuk, dekorasi dan fungsi. Sebagai rumusan, keindahan tembikar tradisional Terenang yang begitu unik dan istimewa haruslah menjadi kebanggaan bukan sahaja kepada orang Melayu bahkan rakyat Malaysia keseluruhannya. Kraftangan membuat tembikar tradisional adalah salah satu warisan seni dan sejarah Malaysia yang harus dilestarikan, bukan hanya dilihat dan dipentingkan dari aspek komersilnya sahaja. Sambutan terhadap tembikar Terenang pada hari ini adalah sangat terhad kerana kewujudan pelbagai saingan daripada produk-produk moden yang dihasilkan dengan reka bentuk dan fungsi yang menarik. Keadaan ini sebenarnya sangat membimbangkan kerana dikhuatiri akan menyebabkan kegiatan dan tembikar tradisional ini semakin terancam dan berkemungkinan akan pupus. Sekiranya perkara ini berlaku, hilanglah satu lagi khazanah warisan yang merupakan identiti negeri Pahang. Dasar memajukan dan memodenkan kegiatan kraftangan membuat tembikar yang dilaksanakan oleh kerajaan pada masa kini adalah amat baik, tetapi dibimbangi ia hanya akan mempercepatkan lagi proses penghapusan warisan negara ini jika langkah-langkah yang sebetulnya tidak diambil. Jika pihak kerajaan telah berusaha bertungkus lumus untuk mengembang dan memajukan perusahaan membuat tembikar tradisional secara moden, langkah yang

sama juga perlulah diambil untuk mengekalkan dan meneruskan kesinambungan warisan sejarah ini agar tidak luput ditelan zaman dan arus pemodenan. Ini kerana dapatan kajian menunjukkan kegiatan penghasilan tembikar tradisional Tembeling di Kampung Pasir Durian semakin terancam kerana kebanyakan penggiat sudah tidak aktif atas faktor usia serta ketiadaan generasi pelapis yang berminat.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Shuaib (2012). Penggunaan unsur nilai estetika tradisional Kelantan dalam seni bina kediaman kontemporari. *Proceeding Bridging Between Old & News : Towards Future Sustainable Built Environment*, hlm. 7-15.
- Abd. Rasid bin Ismail & Ahmadrashidi Hassan (2012). Keindahan dalam reka bentuk motif seni hiasan fabrik tradisional Melayu: satu analisa formalistik. *The 9th Regional Symposium of The Malay Archipelago 2012*, **9**, 1-7.
- Asyaari Muhamad (2010). Seramik purba yang diperdagangkan di Semenanjung Malaysia. *Sari-International Journal of the Malay World and Civilisation*, 28(1), 3-40.
- Grottanelli, V. L. (1971). Ornament in Encyclopedia of World Art: Vol. VI. London: Mc Grow-Hill.
- Hamdzun Haron & Narimah Abd Mutalib (2012). Aspek estetika labu acu. *Malim SEA Journal Of General Studies*, 13, 99-123.
- Hamdzun Haron & Narimah Abd Mutalib (2013). Technology and production process of Malay traditional heritage pottery in Malaysia. *Jurnal Teknologi*, 64 (1), 81-88.
- Ibrahim Darus dan Shahaimi Abdul Manaf (2005). *Tembikar tradisional*. Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.
- Munro, T. 1943. Form in the Arts. *Journal of Aesthetic & Art Criticism*, 2(8):5-27
- Othman Mohd Yatim, Zainal Abidin Borhan, Mohammad Nazzri Ahmad Mohammad & Anis Abdul Samad (2006). Estetika dan keindahan songket Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 17, hlm.1-15.
- Ragans, R. (2000). *Art talk*. New York: Glencoe/McGraw-Hill.

Salwa Ayob (2011). *Kesinambungan perubahan pemerian jasad dan rupa tembikar pra sejarah kepada tembikar tradisi Melayu*. (Unpublished doctoral dissertation). Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Siti Zainon Ismail (1985). *Getaran jalur dan warna*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.

Syed Ahmad Jamal (1989) *Rupa dan Jiwa*. Kuala Lumpur.

Zahirah Harun (2016). *Keindahan tembikar Melayu tradisional Kampung Pasir Durian*. (Unpublished doctoral dissertation). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Zakaria Ali (1989). *Seni dan seniman: Esei-esei seni halus*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka